



PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN MASJID TANAH
PEJABAT SEKRETARIAT
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Tel : 03-2601 7264 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

8 Januari 2026

KENYATAAN MEDIA YB PENERUSI PAC

1. Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen Malaysia telah mengadakan satu lawatan kerja ke Ibu Pejabat Indah Water Konsortium (IWK), Kuala Lumpur pada Rabu, 7 Januari 2026 mulai jam 10.00 pagi.
2. Lawatan kerja ini bertujuan untuk memberikan pemahaman menyeluruh kepada ahli-ahli PAC mengenai peranan kritikal IWK dalam menguruskan sistem pembetungan negara serta inisiatif penambahbaikan yang dilaksanakan IWK.
3. Dalam sesi taklimat yang diberikan oleh pihak pengurusan IWK, PAC telah didedahkan dengan gambaran keseluruhan syarikat dan perbincangan mendalam berhubung pengoperasian sistem pembetungan negara yang merangkumi penyelenggaraan loji-loji rawatan, prestasi dan cabaran yang dihadapi.
4. PAC juga telah dimaklumkan mengenai strategi, inisiatif utama dan peranan IWK dalam menyokong Ekonomi Kitaran (*Circular Economy*) serta *Water Sector Transformation* (WST) 2040 demi kelestarian negara, diakhiri dengan penerangan mengenai pensijilan dan pengiktirafan yang telah diraih.
5. Selain itu, delegasi PAC turut mengadakan lawatan fizikal ke Loji Rawatan Kumbahan (LRK) Awam di Taman Tun Dr. Ismail (TTDI). Melalui lawatan ini, Ahli-ahli PAC dapat melihat sendiri proses terperinci bagaimana air kumbahan dirawat dengan cekap bagi memastikan air yang dilepaskan semula ke punca air adalah selamat dan mematuhi piawaian kebersihan yang ditetapkan.

6. PAC merakamkan penghargaan atas komitmen serta kemajuan yang dizahirkan oleh IWK sepanjang 10 tahun yang lalu. Pencapaian ini amat membanggakan, khususnya dalam tempoh tiga (3) tahun kebelakangan ini yang menyaksikan IWK mula beroperasi secara mandiri tanpa bergantung kepada bantuan subsidi daripada Kerajaan Persekutuan.
7. IWK telah membuktikan kredibiliti dalam mentransformasikan sistem pembetungan negara ke arah tahap yang lebih moden, cekap dan mampan selaras dengan aspirasi negara bagi menjamin kesejahteraan rakyat serta memelihara kelestarian alam sekitar secara holistik.
8. PAC amat menghargai dan berterima kasih atas inisiatif IWK menganjurkan lawatan kerja ini bagi PAC melihat secara langsung proses operasi kritikal IWK.
9. PAC berharap agar IWK terus konsisten dalam memperkasakan tadbir urus dan kecekapan operasi bagi mendepani cabaran industri air dan pembetungan di masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

YB Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin
Pengerusi PAC Parlimen